


BIL 17, APRIL 2009

# TINTA

GENERASI GLOKAL MENGHADAPI DUNIA TANPA SEMPADAN



جامعة تكنولوجيا مارا

UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA



ISSN 0127-5700

**Penerbit:**  
Fakulti Pengurusan Maklumat,  
Universiti Teknologi MARA

**Penaung:**  
Prof. Madya Dr. Adnan  
Jamaludin

**Pengerusi JK Penerbitan:**  
Prof. Dato' Dr. Raja Abdullah  
Yaacob

**Pensyarah Penasihat:**  
Dr. Wan Ab. Kadir Wan Dollah  
En. Azmi Abdul Rahman

**Pengurus Penerbitan:**  
Azlan Shah Hailani

**Ketua Editor:**  
Mohammad Nasnie Nor Rodin

**Penolong Ketua Editor 1:**  
Siti Zubaidah Abdul Rahman

**Penolong Ketua Editor 2:**  
Mohd Awis Abu Bakar

**Editor:**  
Nor Azlin Maarof,  
Niken Setya Pertiwi,  
Aina Zaireynna Zainuddin,  
Nurul Ain Md Nor,  
Nor Alif Saharudin,  
Farhah Waheda Mohd Khalil,  
Sazrina Salikin,  
Nuruljannah Zaib,  
Shazaila Shaharudin,  
Siti Nuraidah Abdul Rahim,  
Syuhadah Shukor,  
Noor Khaiza Mohammed,  
Noradiana Sairin,  
Lydia Linang Buntoi,  
Siti Naimah Mohd,  
Afiqah Ariffin,  
Rizal Jappar,  
Malissa Mahmud

**Setiausaha:**  
Wan Azlida Salwa Wan Ali

**Penolong Setiausaha 1:**  
Siti Norazhani Ramli

**Penolong Setiausaha 2:**  
Nina Natasha Sajili

## Dari Editor

Komunikasi di antara manusia di seluruh dunia telah berkembang dengan pesat dari semasa ke semasa dengan penghasilan teknologi baru hasil daripada kajian berabad lamanya. Kini, teknologi tersebut telah dilabelkan sebagai teknologi tradisional atau antik oleh sesetengah pihak setelah ianya mengalami perubahan demi perubahan yang sangat ketara.

Dulu, perhubungan antara manusia disebarluaskan melalui manusia itu sendiri atau melalui lukisan dibangun dari semasa ke semasa dan telah didominasi oleh pelopor-pelopor dari Negara Barat yang telah berkurun lamanya memikirkan tentang masalah-masalah komunikasi ini, bermula di kawasan Tigris dan Eufrates lebih dari 3,000 tahun Sebelum Masihi dengan penghasilan bongkah-bongkah tanah liat ke papyrus sehingga ke kaedah teknik pencetakan tekanan oleh Johann Guttenberg.

Sehingga kurun ke 20 di mana sebuah agensi milik Jabatan Pertahanan Kerajaan Amerika Syarikat telah mencipta peralatan teknologi komunikasi era moden yang telah menghubung dunia yang dikenali sebagai Internet. Hasil kajian ini adalah penting terutama sekali untuk pertukaran data dan maklumat, diadaptasi daripada penciptaan litar telefon.

Begitu juga di Malaysia, setelah berlakunya ledakan maklumat dan penyebaran maklumat tanpa sekat, pihak berkuasa telah mengambil tindakan dengan mengawal, merancang dan mengadakan pelbagai aktiviti khusus kepada rakyat Malaysia bagi mengambil kesempatan penyebaran maklumat yang memberi kepentingan penduduk di negara ini.

Walaubagaimanapun, pihak berkuasa melalui agensi-agensinya telah mengambil inisiatif menapis maklumat-maklumat tersebut yang berbentuk negatif, berbaur perkauman dan yang boleh mengikis kebudayaan rakyat di negara ini. Generasi muda disarankan mengambil peluang dan aktiviti yang ditawarkan seperti membuat laman sesawang untuk memasarkan apa jua produk keluaran mereka termasuk perkhidmatan yang ditawarkan.

Diharapkan dengan terbitnya majalah ini akan memberi maklumat yang berguna kepada sesiapa sahaja yang terlibat atau mahu tahu bagaimana mereka boleh berkembang dengan hanya menjadikan rumah sebagai pejabat mereka dan "Generasi Glocal Menghadapi Dunia Tanpa Sempadan" menggalakkan perkembangan tenaga manusia bersifat kelas dunia (global) dari segi pemikiran tetapi berasal dari rantau ini tanpa meninggalkan walau sedikit pun ciri-ciri sebagai rakyat Malaysia.

Akhir kata, Sidang Editor ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang menjayakan penerbitan ini. Selamat Membaca.

### MAKLUMAN

TINTA adalah sebuah terbitan tahunan oleh para pelajar program Bachelor of Science in Information Studies (Hons) @ IS 220 yang mengambil kursus *Publications and Production of Information Materials* (IML 601). Skop rencana meliputi pelbagai isu dalam bidang pengurusan maklumat.

### Rekacipta Grafik:

Syed Mohd. Huszainor & Zaki Julaihi

### Pemasaran:

Rajak Telimik, Zuraidah Asha'ari, Suhailah Mad Arof &  
Maulidiah Abdul Rahman

### Alamat Penerbit:

Kampus Puncak Perdana,  
40150 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan  
(Tel. 03-79622013/2020) (Fax. 03-79622007)  
<http://www.fpm.uitm.edu.my>

# ISI KANDUNGAN

BIL.17 APRIL 2009 ISSN : 0127-5700

NO	PENGARANG	TAJUK	MUKA SURAT
1	ADNAN JAMALUDIN & RAJA ABDULLAH YAACOB	FACULTY OF INFORMATION MANAGEMENT, UITM: PAST, PRESENT AND FUTURE	1-25
2	AZMAN IBRAHIM	DUNIA TANPA SEMPADAN: CABARAN TERHADAP PEMBANGUNAN MODAL INSAN BERDAYA SAING	26-29
3	MOHD RIDWAN BIN SEMAN @ KAMARULZAMAN & MOHD ROZI REMELI @ RAMELI	CABARAN-CABARAN TENTANG DATA BERSEPADU (DATA INTEGRATION)	30-36
4	WAN AB. KADIR WAN DOLLAH & MOHD ZAIHAN HUSSIN	REDEFINING THE ROLES OF THE UNIVERSITY LIBRARIANS	37-41
5	DANG MERDUWATI HASHIM	ETHICS IN RESEARCH	42-45
6	RAJA ABDULLAH YAACOB	PEMBUDAYAAN ILMU DALAM KERJA SEHARIAN	46-59
7	FUZIAH HAJI MOHD NADZAR	MENGETAHUI GAYA PEMBELAJARAN ANDA UNTUK PEMBELAJARAN BERKESAN	60-64
8	SOBARIAH AWANG MUKHTAR	PERANAN PIHAK PENGURUSAN PUSAT SUMBER SEKOLAH KE ARAH PEMBESTARIAN PENDIDIKAN	65-74
9	RAJA ABDULLAH YAACOB	RECORDS MANAGEMENT AND ISO 9001	75-84
10	ABD RAHIM ABD RAHMAN	MINAT MEMBACA DAN AYAT-AYAT CINTA	85-88
11	RAJA ABDULLAH YAACOB	REMINESCENCE OF RADHA NADARAJAH: THE FIRST HEAD, SCHOOL OF LIBRARY SCIENCE, UITM	89-90

# PEMBUDAYAAN ILMU DALAM KERJA SEHARIAN

oleh Prof. Dato' Dr. Raja Abdullah Yaacob

**Abstrak:** Maklumat dan ilmu pengetahuan semakin menjadi faktor kritikal di dalam k-economii sebab ia menyumbang kepada pembentukan budaya analatikal terhadap persekitaran dan keadaan masyarakat. Masyarakat yang kekurangan maklumat boleh menjadikan mereka jahil, ketinggalan, berat sebelah dan prasangka dan ini merupakan ciri-ciri mereka yang tidak berfikiran kritikal. Ciri-ciri sedemikian boleh menjadi bahaya kepada masyarakat, terutama di dalam dunia yang global ini. Adalah menjadi matlamat kerajaan untuk membentuk pekerja-pekerja yang berilmu pengetahuan di mana mereka berupaya mendapat akses, mendapatkan, menggunakan, dan mempakej dan menggunakan maklumat dan ilmu pengetahuan. Untuk membentuk masyarakat yang berbudaya ilmu dan berfikir, maka kurikular pendidikan perlu memasukan elemen-elemen kemahiran maklumat dan peranan pusat sumber perlu dipergiatkan. Cabaran besar yang dihadapi oleh negara umumnya ialah bagaimana membentuk masyarakat yang berbudaya ilmu dan pemikiran kritikal. Ini hanya boleh dicapai melalui budaya ilmu yang memerlukan budaya maklumat, yang sekaligus mempraktikkan budaya membaca dalam kerja seharian mereka.

**Kata Kunci:** Budaya Ilmu, Membaca, Pemikiran Kritikal, Literasi Maklumat, dan Kepimpinan Ilmu.

*“Pembentukan Budaya Berfikir Menjana Pengurusan  
dan Kepimpinan Berkualiti”*

## PENGENALAN

Cabaran besar yang dihadapi oleh negara umumnya ialah bagaimana membentuk masyarakat yang berbudaya ilmu dan pemikiran kritikal. Pemikiran kritikal adalah pemikiran berkemahiran dan bertanggungjawab yang membolehkan seseorang membuat keputusan baik kerana ia bergantung kepada beberapa kriteria, termasuk peningkatan kebolehan diri, dan peka kepada konteks. Pemikiran kritikal boleh dicapai melalui penambahan ilmu, bukan sahaja pengetahuan khusus tetapi juga pengetahuan umum yang lebih global. Ini hanya boleh dicapai melalui budaya ilmu yang memerlukan budaya maklumat, yang sekaligus memerlukan masyarakat yang rajin dan mempunyai budaya membaca yang mantap.

Maklumat dan ilmu pengetahuan semakin menjadi faktor kritikal di dalam k-economii sebab ia memberi sumbangan signifikan kepada pembentukan budaya analatikal untuk menangani cabaran persekitaran dan masyarakat yang semakin sofistikated. Masyarakat yang kekurangan maklumat boleh menjadikan mereka jahil, ketinggalan, berat sebelah dan prasangka yang merupakan ciri-ciri negatif yang tidak berfikiran kritikal. Budaya ilmu yang memerlukan budaya maklumat, dan oleh yang demikian pekerja amat perlu mengamalkan budaya ilmu dan menjadi perkerja yang berilmu mengetahuan bagi meningkatkan kerja seharian mereka.

## PERSOALAN


Beberapa persoalan perlu kita renungi bersama kerana ia menentukan hala tuju kita dalam menuju ke arah negara maju dalam era ilmu dan ICT ini. Sebahagian daripada persoalan-persoalannya ialah seperti berikut:

- Mengapakah kebanyakan masyarakat kita TIDAK GEMAR membaca?
- Mengapakah para pelajar tidak suka atau keberatan melawat dan menggunakan kemudahan perpustakaan?
- Bagaimanakah cara memberi motivasi kepada kanak-kanak dan pelajar supaya minat membaca dan menggunakan perpusatkaan?
- Apakah perbezaan antara maklumat dan pengetahuan?
- Dengan globalisasi, ramai yang menyebut tentang pengurusan pengetahuan (“*knowledge management*”). Apakah dia pengurusan maklumat dan pentingnya kepada organisasi?
- Apakah dia pekerja maklumat (“*knowledge workers*”)?

- Apakah harta yang paling baik sekali yang anda dapat tinggalkan kepada anak anda?

## MASYARAKAT BERASASKAN ILMU PENGETAHUAN

Ciri-ciri 'miskin maklumat' boleh membahayakan masyarakat, terutama didalam dunia yang global dan masyarakat yang berasaskan ilmu pengetahuan kini. Ciri-ciri mereka yang kaya matlamat dan pengetahuan adalah seperti tertera dalam *Rajah 1*. Adalah menjadi matlamat kerajaan untuk membentuk pekerja-pekerja yang berilmu pengetahuan di mana mereka berupaya mengakses, mendapatkan, dan mempakej serta sekaligus pandai menggunakan maklumat dan ilmu pengetahuan untuk tujuan kerja dan kehidupan mereka. Untuk membentuk masyarakat pekerja yang berbudaya ilmu dan berfikir, maka pihak pengurusan perlu memasukkan elemen-elemen kemahiran. Perkongsian dan aplikasi maklumat dan pengetahuan di tempat kerja.



Rajah 1 : Ciri-ciri Kaya Maklumat dan Ilmu Pengetahuan

### **Ilmu Pengetahuan**

Ilmu merangkumi banyak aspek yang luas dan tiada hadnya. Ilmu adalah sesuatu yang sentiasa berkembang dan proses untuk mendapatkan ilmu sentiasa berlaku tanpa henti. Ilmu itu boleh diperolehi secara formal dan informal. Secara formal melalui sekolah-sekolah atau IPT dan secara informal melalui bahan bacaan seperti suratkhabar dan melalui pengalaman hidup. Ia merupakan satu proses maklumat yang kita perolehi melalui pengalaman dan proses pembelajaran. Ilmu adalah sesuatu yang tidak konkret dan abstrak yang wujud dalam minda manusia. Pada kebiasaanya, ilmu yang dihasilkan itu akan direkodkan contohnya dalam buku dan sebagainya dalam bentuk seperti esei dan karangan mengikut gaya bahasa. Ilmu merupakan satu gabungan atau himpunan maklumat yang berkaitan hingga membentuk satu bidang atau rangkaian ilmu. Dengan mempunyai ilmu kita akan memperolehi kebijaksanaan, kewarasan dan kearifan serta menjadi pemimpin yang berwibawa.

### **PEMASALAHAN: TAHAP TABIAT MEMBACA MASYARAKAT RENDAH**

Penemuan kajian yang telah dijalankan menunjukkan ramai graduan yang telah keluar dari IPT tidak memenuhi keperluan majikan sektor awam dan swasta dari segi komitmen, pemikiran kritikal, kreativiti dan kepimpinan. Keadaan ini lebih ketara bagi mereka yang tamat sekolah menengah. Ciri-ciri miskin maklumat boleh membahayakan kepada masyarakat, terutama didalam dunia yang global ini dimana masyarakat kini banyak menggunakan

ilmu pengetahuan. Untuk membentuk masyarakat yang berbudaya ilmu dan berfikir, maka kurikular pendidikan perlu memasukan elemen-elemen kemahiran maklumat dan peranan pusat sumber perlu dipergiatkan dan dipertingkatkan.

Kadar literasi sehingga tahun 2002 sebanyak adalah 93.8%. Menurut kajian tersebut, rakyat Malaysia membaca secara purata dua (2) buah buku setahun. Kajian itu juga mendapati jenis bahan yang diakses berbentuk bacaan ringan seperti surat khabar (79%), buku (52%), majalah (47%) dan komik (32%). Di antara sebab-sebab yang diberi mengapa tidak membaca ialah tidak berminat dan tidak mempunyai masa lapang. (Laporan Kualiti Hidup Malaysia 2002).

Lebih dari separuh dari 60,441 rakyat Malaysia yang dikaji membaca kurang dari tujuh muka surat sehari. (National Library Study, 2002; Jabatan Statistik, Malaysia.) Mereka dalam lingkungan umur 10 tahun ke atas membaca hanya dua buku setahun (angka ini tidak termasuk buku teks untuk pelajar dan buku yang berkaitan dengan kerja dan tugas untuk orang dewasa.) Satu lagi penemuan yang memeranjatkan ialah bagi mereka yang membaca buku dan majalah, mereka hanya membaca kurang dari tiga jam seminggu. Semakin mereka itu meningkat dari segi umur, semakin kurang mereka membaca. Kajian ini juga telah mendapati bahawa 55 peratus dari mereka yang berumur 10 hingga 24 tahun membaca buku, berbanding kepada 39 peratus mereka dalam lingkungan umur 25 hingga 56. Hanya 6 peratus tergolong dari mereka yang berumur 57 ke atas.

Membaca bukan merupakan kegemaran masa lapang masyarakat Malaysia dan kebanyakan lebih suka mononton TV dan video. Perbezaan ini amat ketara jika dibandingkan dengan masyarakat di Barat yang mana semakin meningkat dari segi aplikasi dan penggunaan ICT, semakin giat tabiat mereka membaca. Tabiat membaca dianggap sebagai aktiviti masa lalu semasa di bangku sekolah atau universiti. Ini disokong oleh penemuan yang menyatakan bahawa aliran membaca di kalangan masyarakat muda hanya untuk menimba ilmu. Kebanyakan mereka membaca bahan dalam Bahasa Malaysia, diikuti oleh Bahasa Inggeris dan yang terakhir ialah dalam skrip Jawi. Lebih kurang 56 peratus responden kajian ini ada lahir mereka yang tinggal di bandar raya dan 44 peratus dari luar bandar. 60 peratus dari mereka adalah dalam lingkungan umur 10 tahun ke atas dan 99.9 peratus mendapat pendidikan formal.

Banyak persoalan telah dipertikaikan oleh para pemimpin negara bahawa graduan dan rakyat

umumnya kurang membaca. Adalah mustahil bagi negara ini maju jika rakyatnya tidak progresif dari segi ilmu pengetahuan dan penyelidikan saintifik. Salah satu daripada strategi yang diperlukan untuk mencapai taraf negara maju ialah melengkapkan masyarakat dengan ilmu pengetahuan. Kini dengan globalisasi, pengetahuan lebih lagi diperlukan dan digunakan bagi semua tujuan. Penekanan kepada masyarakat yang berilmu dan bermaklumat hanya dapat dilakukan melalui tabiat membaca, menyelidik dan menambahkan ilmu pengetahuan melalui pendidikan berterusan. Purata membaca dan minat membaca di kalangan masyarakat kita masih rendah kerana budaya membaca masih belum dipupuk. Data yang diambil menunjukkan bahawa rakyat Malaysia kurang membaca dan mereka membaca kurang dari sehelai buku dalam masa setahun. Ini mencerminkan bahawa rakyat negara ini kurang minat kepada ilmu. Tidak kurang juga siswazah kita yang kurang berminat membaca setelah tamat pengajian.

### **Jadual I: HASIL KAJIAN PROFIL MEMBACA RAKYAT MALAYSIA 1996**

Kadar celik huruf rakyat Malaysia	93%
Kadar amalan tabiat membaca	87%
Penduduk berumur 10 tahun ke atas adalah celik huruf.	
Kadar celik huruf bagi	
Lelaki	96%
Wanita	90%
Kadar celik huruf	
Di bandar	95%
Di desa	91%
Kebolehan kanak-kanak berumur 5 hingga 9 tahun membaca dalam bahasa utama ialah:	
Bahasa Melayu	57%
Mandarin	11%
Bahasa Inggeris	5%
Tamil	3%
Jawi	3%
Rakyat Malaysia menggunakan perpustakaan.	29%
Mempertingkatkan bacaan melalui media TV/Video.	22%
Rakyat Malaysia boleh menggunakan komputer (PC).	12%

*Sumber: Perpustakaan Negara Malaysia*

E-mel : [webmaster@pnm.my](mailto:webmaster@pnm.my)


### **DARI MAKLUMAT KEPADA PENGETAHUAN DAN KEBIJAKSANAAN: SPEKTRUM ILMU PENGETAHUAN**

Dalam era k-ekonomi, kita perlu memahami beberapa konsep pengetahuan. Pertama kita perlu tahu apa yang dimaksudkan dengan spectrum pengetahuan atau dipanggil juga landskap pengetahuan. Kedua kita perlu mengenalpasti konsep pembelajaran (“learning”) pemikiran

kritikal dan penyelidikan. Seterusnya kita juga perlu mengetahui konsep pekerja pengetahuan dan ekonomi pengetahuan. Apa yang dimaksudkan dengan spektum pengrtahuan ialah pembentukan dari data kepada maklumat dan pengetahuan yang mana jika digunakan, ia akan meningkat kepada kebijaksanaan (“wisdom”) bagi individual. Ini dapat dilakarkan dalam Rajah 2. Hiraku ini bermula dari data hingga ke aras kebijaksanaan dan seterusnya (“enlightment”).

Seseorang dianggap memenuhi tahap kebijaksanaan sekiranya mereka menggunakan pengetahuan yang ada untuk kebenaran dan untuk diaplikasi dalam kerja atau aspek-aspek kehidupan yang lain. Cara mempastikan agar proses kebijaksanaan ini dapat diteruskan ialah dengan meneruskan proses pembelajaran dan latihan pada pringkat jangka pendek dan jangka panjang. Kebijaksanaan ini pula merupakan kebolehan dan

kemahiran menggunakan pengetahuan yang ada untuk menjadi lebih meningkat. Ia melibatkan cara membuat pilihan yang bijak tentang sesuatu perkara yang boleh, samada membawa kepada kejayaan atau kegagalan. Ia memerlukan keupayaan menggunakan maklumat dan pengetahuan dengan bijak dan membuat keputusan yang baik dengan menggunakan maklumat tersebut.



Peringkat 'enlightenment' pula mempamirkan kebolehan menggunakan ilmu pengetahuan yang ada untuk memimpin orang lain.

#### Ilmu Pengetahuan

Ilmu merangkumi banyak aspek yang luas dan tiada hadnya. Ilmu adalah sesuatu yang sentiasa berkembang dan proses untuk mendapatkan ilmu sentiasa berlaku tanpa henti. Ilmu itu boleh diperolehi secara formal dan informal. Secara formal melalui sekolah-sekolah atau IPT dan secara informal melalui bahan bacaan seperti suratkhabar dan melalui pengalaman hidup. Ia merupakan

satu proses maklumat yang kita perolehi melalui pengalaman dan proses pembelajaran. Ilmu adalah sesuatu yang tidak konkret dan abstrak yang wujud dalam minda manusia. Pada kebiasaannya, ilmu yang dihasilkan itu akan direkodkan contohnya dalam buku dan sebagainya dalam bentuk-bentuk seperti esei dan karangan mengikut gaya bahasa. Ilmu merupakan satu gabungan atau himpunan maklumat yang berkaitan hingga membentuk satu bidang atau rangkaian ilmu pengetahuan. Dengan mempunyai ilmu pengetahuan kita akan memperolehi kebijaksanaan, kewarasan dan kearifan.

## PERANAN PENGETAHUAN DALAM PEKERJAAN

Apa yang diharapkan oleh majikan kini ialah pekerja yang boleh mengurus dan mengimbang pengetahuan dan mempunyai pemahaman serta fokus utama keperluan organisasi. Majikan kini memerlukan pengurus dan pemimpin berpengetahuan yang mempunyai kecekapan/kompetensi, sesuai dengan k-ekonomi yang sedang pesat berubah ini.

Beberapa fokus dan amalan yang berkaitan dengan penggunaan dan amalan pengurusan pengetahuan dalam

Organisasi pengetahuan adalah seperti berikut:

- Memperolehi pengetahuan
- Mengaplikasi pengetahuan
- Berkongsi pengetahuan
- Membentuk/mewujudkan pengetahuan
- Mewujudkan pengetahuan baru
- Memelihara pengetahuan
- Mengukur pengetahuan
- Pengetahuan ICT
- Belajar-semula dan berterusan Aplikasi ICT

Pengetahuan dapat merangsang secara radikal, pengurusan, perubahan pengorganisasian dan teknologikal dan mewujudkan peluang dan juga menyelesaikan masalah yang semakin besar dari dulu. Ini merupakan tanggung jawab pengurusan maklumat dan pengetahuan yang lebih mencabar yang menggambarkan kaedah baru untuk berinteraksi dengan pelanggan, pasaran, produk, pengeluaran, perkhidmatan, saingan dan pengorganisasian. Robert Dunham menyatakan bahawa, '*a true knowledge worker has to design information to contribute to action that produces value to customer, either internal or external to the company. The information is just a tool or enabler*

*of these actions.'* (Durham, 2001)

Persekutaran pengurusan kini bercirikan suasana yang mempunyai akses yang lebih dan pemindahan yang cepat kepada maklumat dan pengetahuan menerusi ICT. Pengurus kini perlu lebih gigih untuk menyesuaikan diri dan bertindak kepada persekitaran pengetahuan dengan lebih dinamik. Untuk maju kehadapan dan mampu memenuhi cabaran dalam pasaran global, mereka memerlukan maklumat yang sesuai dan tepat. Dengan ini mereka akan dapat membentuk ciri peribadi yang diperlukan, seperti berikut dan digambarkan dalam Rajah 3, berikut:

- *Jujur dan berwibawa*
- *Pemilihan pasukan pekerja yang jujur dan berwibawa*
- *Kesungguhan untuk berjaya.*
- *Kemahuan untuk memikul tanggungjawab samada jika berjaya atau gagal*
- *Berinovatif serta terbuka kepada ide baru.*
- *Tidak menerima cara yang sedia ada jika ianya boleh ditingkatkan dan tidak pernah berpuas hati dengan keadaan semasa*
- *Cergas, pintar dan kuat tahap emosi*
- *Yakin dan tidak bersikap bongkak*
- *Boleh berunding*
- *Sikap penyabar*
- *Boleh membuat keputusan*
- *Berfikir secara analitik*
- *Cepat belajar*
- *Menghormati orang lain*
- *Peka keperluan orang lain*
- *Rajin, berdisiplin dan mempunyai ketekunan yang kuat*
- *Selesa dengan perkara yang kurang jelas*
- *Kemahuan untuk mencapai keaslian*
- *Penerima risiko yang bermaklumat*




**Rajah 3: Amalan Pengurusan Pengetahuan dalam Organisasi Pengetahuan**

Pemfokusan faktor di atas dianggap penting dalam pengurusan organisasi kini yang mementingkan pengetahuan. Beberapa kompetensi diperlukan bagi mengamal pengurusan pengetahuan secara berkesan dalam organisasi. Pekerja perlulah mempunyai pengetahuan luas dan khusus yang terkini. Banyak daripada kemahiran

dan kecekapan ini dapat dibentuk semasa diperingkat sekolah atau universiti melalui budaya membaca serta mempunyai literasi maklumat yang tinggi. Kompetensi seseorang pemimpin yang berbudaya ilmu pengetahuan, seperti yang digambarkan dalam *Rajah 4* adalah:

- Kebolehan Befikir Secara Strategik
- Tanggungjawab Pengetahuan
- Kebolehan Belajar Berterusan
- Menyumbang Kepada Pasukan Berinovatif
- Berdisiplin dan Profesional
- Inovatif dan Kreatif
- Pemikiran Berfokuskan Penyelesaian
- Peningkatan Diri



**Rajah 4: Budaya Ilmu Pengetahuan**

Membaca, berkongsi pengetahuan bukan sahaja dapat meningkat ilmu dan pengetahuan, tetapi juga dapat meningkat personaliti individu kerana mereka tergolong daripada insan yang kaya maklumat. Islam menggalakkan penimbaan ilmu. Dalam Islam, menimba ilmu pengetahuan adalah wajib bagi setiap lelaki dan perempuan. Rasulullah SAW bersabda: "Menimba ilmu pengetahuan itu adalah wajib ke atas setiap umat Muslimin, lelaki dan perempuan". (Riwayat oleh Ibn Majah dan Baihaki)

Bagi cerdik pandai mereka amat banyak berkecimpung dengan maklumat dan ilmu pengetahuan. Mereka banyak membaca dari pelbagai sumber maklumat dan menjadi kaya maklumat. Ciri-ciri negara maju ialah masyarakatnya yang kaya maklumat berbanding

dengan negara kurang maju yang mana masyarakatnya miskin maklumat. Kepentingan mendapatkan dan memperolehi ilmu pengetahuan ugama dan kemanuasian ditekanlan semasa mula ayat yang diperturunkan,

*"Bacalah dengan nama Allah, yang maha esa,  
yang mewujudkan manusia dari ....  
(Quran: 96: 1-2).*

Nilai yang tinggi yang Islam letakkan terhadap perolehan ilmu pengetahuan di tekankan dalam banyak ayat. Sebagai contoh, Quran membuat perbandingan antara mereka yang mempunyai ilmu pengetahuan dan meraka yang tidak (Quran: 39: 9). Ramai ilmuan Islam menganggap pencarian ilmu pengetahuan sebagai satu ibadah asalkan yang memintanya itu

ikhlas dalam mendfapatkan ilmu pengetahuan dengan bertakwa kepada Allah.

### **SEBAB-SEBAB MENGAPA ILMU PERLU DISEBARKAN**

- Supaya ilmu baru dapat digunakan atau diaplikasikan untuk kegunaan atau kebaikan masyarakat umum. Ia bukan sahaja untuk pengetahuan masyarakat umum malah untuk diaplikasikan. Merupakan suatu kebaikan kepada masyarakat umum.
- Contoh ilmu baru tentang teknologi maklumat tersebar melalui penghasilan buku serta artikel jurnal dan majalah terkini.
- Ilmu baru perlu disebarluaskan kepada golongan pelajar. Ini kerana golongan pelajar yang sedang mempelajari sesuatu bidang akademik dapat mengetahui tentang perkembangan ilmu-ilmu baru tersebut.
- Golongan profesional juga memerlukan ilmu baru. Golongan profesor terdiri daripada mereka yang mempunyai kepakaran/terlatih dalam sesuatu bidang khusus contohnya: Pustakawan, Doktor, Peguam. Pustakawan perlu tahu penemuan baru dalam bidang khususnya berkaitan pengotomasi perpustakaan / pusat maklumat. Doktor perlu mendapat ilmu baru tentang kaedah pembedahan yang lebih moden.

Golongan profesor ini memperolehi ilmu baru dapat persidangan mesyuarat yang dihadiri.

- Golongan penyelidik perlu mengetahui tentang ilmu baru kerana mereka perlu mengemaskini/ up to date pengetahuan mereka. Mereka juga perlu menilai dan menyemak segala ilmu baru yang dihasilkan.
- Apakah penyelidikan yang dijalankan, apakah kaedah yang digunakan, apakah objektif, apakah keputusan research, adakah sesuatu penyelidikan itu bernilai atau tidak? Andainya terdapat kesilapan maka penyelidik yang lain boleh memperbetulkan dengan memberikan pandangan yang lebih relevan. Berdasarkan komen yang diterima, pembetulan dibuat dan seterusnya ilmu baru yang diujudkan akan diterima dengan yakin dan terus dicetak untuk disimpan dan disebarluaskan.

### **BUDAYA MEMBACA**

Tabiat membaca merupakan satu tabiat yang seharusnya dipupuk sejak kanak-kanak kecil lagi. Masyarakat yang sempurna dari segi fikiran dan fizikal biasanya mempunyai latar belakang yang suka membaca. Memang sukar untuk menggalak masyarakat membaca kerana mereka mungkin berasal dari persekitaran, atau keluarga yang sememangnya tidak suka membaca.

Membaca adalah satu kemahiran atau kebolehan menterjemah huruf-huruf dan ayat-ayat kepada makna supaya dapat difahami dan dihayati sebagaimana yang hendak disampaikan oleh penulis.

Pembacaan penting bukan hanya untuk lulus peperiksaan atau sebagai syarat mencari pekerjaan, tetapi fungsi utamanya ialah untuk membentuk masyarakat yang berfikir dan juga dapat membina budaya ilmu. Budaya ilmu ialah budaya yang dicirikan oleh rasa cinta yang mendalam terhadap pencarian ilmu dan penyebarannya. Dalam zaman revolusi ilmu dan maklumat hari ini, kita sering dikalahkan oleh perkembangan ilmu dan maklumat yang sentiasa “meletus” dan di luar sistem pendidikan formal.

## CADANGAN

Malaysia kini berhadapan dengan globalisasi di mana kita sedang pesat mengaplikasikan – ekonomi. Untuk dapat menyesuaikan diri dalam situasi ini adalah tepat pada masanya agar masyarakat kita umumnya dan para pekerja khususnya mempunyai ciri-ciri berikut:

- Kaya maklumat dan kaya ilmu
- Membudayakan minat membaca sepanjang hayat
- Berkongsi ilmu pengetahuan
- Mewujudkan ilmu pengetahuan

- Menjalankan R&D penyelidikan dan pembangunan
- Mengaplikasikan kepimpinan yang dinamik dan tidak mengutamakan ‘delegation’ yang tidak sempurna
- Ke arah menjadi pekerja maklumat ”knowledge workers”)
- Menegetahui dan memantapkan fahaman dan amalan pengurusan rekod dan pengurusan rekod elektronik
- Mengimplementasikan pengurusan pengetahuan di organisasi

## KESIMPULAN

Ilmu boleh diinterpretasikan sebagai kefahaman kita terhadap sesuatu perkara. Setiap fakta dan maklumat setelah digabungkaitkan antara satu sama lain perlu diinterpretasikan. Interpretasi perlu disokong dengan sebarang bukti samada data atau fakta yang relevan (benar/tepat). Paradigma baru pemimpin ketika ini adalah mereka yang pandai membentuk pemikiran strategic dan kebolehan mengedalikan projek-projek tertinggi untuk pembangunan agensi masing-masing. Mereka perlu berkemampuan mewujudkan persekitaran yang menggabungkan kemaanusian dan kekekalan untuk persekitaran perniagaan yang bersaing hebat. Tidak dapat dinafikan untuk memastikan mereka dapat mencapai tahap ini, mereka perlu mumpuni ilmu pengetahuan yang luas dan terkini.

## BIBLIOGRAFI

- Andrews, R. (2000). 'Learning, literacy and ICT: what's the connection?' *English in Education*, 34 (3): 3-18.
- Bassi, Laurie J. (1997). 'Harnessing the power of intellectual capital.' *Training and Development*, 25(6): 15-25.
- Davenport, Thomas H. (1997). 'Building successful knowledge management projects.' In *Center for Business Innovation Working Paper*.
- Davenport, Thomas H., Jarvenpaa, Sirkka, and Beers, Michael C. (Summer 1996). 'Improving knowledge work processes.' *Sloan Management Review*: 53-65.
- Dunham, Robert (2001). 'Information Worker to Knowledge Worker.' Available at <http://www.ktic.com/topic6/13-dun/2.htm>. Accessed 5th August 2001.
- Goldberg, A., Russell, M. and Cook, A. (2003). 'The effect of computers on student writing: A meta-analysis of studies.' *Journal of Technology, Learning, and Assessment*, 2 (1): 13-25.
- Goodison, T. (2002). 'ICT and attainment at primary level.' *British Journal of Educational Technology*, 33 (2): 201-211.
- Goulding, A. (2002). 'Public libraries and reading.' *Journal of Librarianship and Information Science*, 34 (1): 1-3.
- Green, R. (2000). 'Computers in the literacy hour.' *Literacy Today*, no. 25: 11.
- Kesik, Ted. (January 1996). 'Knowledge mapping.' tkesik@acs.ryerson.ca, Ryerson Polytechnic University. 18.6. 2001.
- Leu, D. J. (1996). 'Exploring literacy within multimedia environments.' *The Reading Teacher*, 50 (2):162-165.
- Leu, D. J. and Kinzer, C. G. (2000). 'The convergence of literacy instruction with networked technologies for information and communication.' *Reading Research Quarterly*, 35 (1):108-127.
- Lewin, C. (2000). 'Exploring the effects of talking book software in UK primary classrooms.' *Journal of Research in Reading*, vol. 23 (2): 5-20.
- Lewis, A. (1999). 'Integrated Learning Systems and pupils with low attainments in reading.' *British Journal of Special Education*, vol. 26 (3): 10-25.

Levy, P., Ford, N., Foster, J., Madden, A., Miller, D., Nunes, M. B., McPherson, M. and Webber, S. (2003). 'Educational informatics: An emerging research agenda.' *Journal of Information Science*, vol. 29 (4): 298-310.

Malhotra, Yogesh. (1998). 'Knowledge management, knowledge organizations and knowledge workers: a view from the front lines.' INTERNET. <http://www.brint.com/interview/maeil.htm>. 4.17.00.

Miskie, Rone. (1998). 'Documentation and training: foundation of knowledge management.' [http://www.ktic.com/topic6/12\\_KMDOC.HT](http://www.ktic.com/topic6/12_KMDOC.HT). 18. 7. 1998.

Nonaka, Ikujiro. (February 1994). 'A dynamic theory of organizational knowledge creation.' *Organization Science*, 4(1): 14-37.

Rowat, M. (1986). 'Industrial intelligence: the need for synthesis,' *Library Management*, 7(5): 29-36.

Russell, Randall H. (Winter 1996). 'Providing access: the difference between sharing and just reporting corporate information.' *Information Strategy*: 28-33.

Stewart, Thomas A. (1997). Intellectual capital : *the new wealth of organizations*. New York: Doubleday.

Tang, Shanhong (2000). "Knowledge management in libraries in the 21st century." In *Proceedings of the 66th IFLA Council and General Conference*, Jerusalem, Israel, 13-18 August, 2000.

### **Biodata**

*Prof. Dato' Dr. Raja Abdullah Yaacob, PhD. (Michigan), M.A. (Records Management), M.Sc. Lib. Sc. (Case Western Reserve), B.Lib. Sc. (UiTM), ALA (U.K) merupakan seorang Profesor dan bekas Dekan di Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM.*